

**Najib Lancar Bandaraya Islam UIAM
Bernama
23 Aug, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat melancarkan Bandaraya Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang bakal mencerminkan kejayaan kualiti universiti ini dari pelbagai aspek.

Perdana Menteri berkata dengan reka bentuk dan fungsi unik, Bandaraya Islam ini akan membolehkan universiti berkenaan menjadi antara universiti terkemuka dunia pada abad ke-21.

"Saya percaya Bandaraya Islam akan meningkatkan usaha UIAM untuk menjadi pemain utama dalam merebut kembali peranan bersejarah dan utama Islam yang pernah suatu ketika dahulu, penting dalam semua bidang pengetahuan bagi faedah seluruh manusia.

"Bandaraya ini akan menjadi saksi kepada kemajuan Malaysia sebagai sebuah negara moden yang merangkumi nilai-nilai kesederhaan Islam," katanya pada majlis pelancaran Bandaraya Islam sempena ulang tahun ke-30, kampus Gombak UIAM, dekat sini.

Turut hadir Presiden dan penasihat UIAM Tan Sri Dr Rais Yatim dan Rektor UIAM Prof Datuk Seri Dr Zaleha Kamaruddin.

Bandaraya Islam itu, akan dibangunkan di atas tanah seluas 17.6 ekar (7.1 hektar) dengan anggaran kos sebanyak RM800 juta akan merangkumi sebuah pusat Islam, pusat perubatan, pangapuri perkhidmatan, pusat konvensyen, hotel, pusat membeli-belah dan medan selera.

Projek yang akan menggunakan air sebagai konsep asasnya itu, dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.

Najib berkata dengan pelaksanaan seni bina moden dan kontemporari menggunakan model pembangunan Madinah Al-Munawarah, Damasyik, Baghdad dan Cordoba (Sepanyol), model tamadun Islam prisma itu akan membolehkan ia sebagai penanda aras baharu kepada kecemerlangan seni bina Islam.

Perdana Menteri juga berkata bandar inovatif itu akan dibina atas asas endowmen yang membolehkan dana kerajaan dijamin untuk membiayai keperluan baharu universiti itu sekali gus membolehkan ia mencapai status universiti penyelidikan.

"Bandaraya Islam akan menjadi hab komersial untuk UIAM dan saya berharap ramai bermurah hati menyumbang ke arah menjayakan projek ini," katanya.

Mengenai UIAM, Najib berharap universiti antarabangsa perdana itu akan memainkan peranan menyediakan platform untuk semua pemimpin Islam mencari penyelesaian dalam masalah dunia Islam.

"Saya berharap UIAM boleh menyediakan asas intelektual atau dorongan kepada pemimpin Islam dunia untuk bersama-sama mencari penyelesaian dalam konflik dunia Islam.

"Jangan benarkan pertimbangan lain memisahkan kita ke arah usaha untuk menyelesaikan

masalah ummah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972275>